



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 57**

**8hb April 2004**

**No. 8**

---

---

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984  
(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984  
(Act 313)

**No. 219.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 7  
NOTIFICATION UNDER SECTION 7

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984, Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan tanah seluas 8330.599 hektar yang dilukiskan serta ditunjukkan dengan garis tepi berwarna kelabu di atas Pelan Ukur No. PW 3582 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Hutan Simpanan Kekal dan dikenali sebagai Hutan Simpan Remen Chereh (Tambahan) mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by section 7 of the National Forestry Act 1984, the State Authority declares the land measuring an area of 8330.599 hectares as delineated and shown edged in grey upon Survey Plan No. PW 3582 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Permanent Reserved Forest and to be known as Remen Chereh (Additional) Permanent Reserved Forest with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Bertarikh 6 Februari 2004

Dated 6 February 2004  
[PTG. Phg. 04/313]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960  
(Akta 530)

LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT 1960  
(Act 530)

**No. 220.**

PENGISYTIHARAN KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK

DECLARATION OF A GROUP SETTLEMENT AREA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri telah mengisytiharkan tanah yang dilukis dan ditunjukkan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Pelan Ukur No. P.W 3621 seluas 258.8 hektar (639.51 ekar) yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Penempatan Berkelompok dikenali dengan nama Rancangan Felcra Berhad Paya Laman, Mukim Semantan, Daerah Temerloh, mulai dari 1 haribulan Januari, 2000.

In exercise of the powers conferred by section 4 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960, the State Authority has declared the land delineated and shown edge in grey upon Survey Plan No. P.W 3621 measuring an area of 258.8 hectares (639.51 acres) deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Group Settlement Area to be known as Paya Laman Felcra Berhad Scheme, Mukim of Semantan, District of Temerloh, with effect from 1 January 2000.

Bertarikh 6 Februari 2004

Dated 6 February 2004  
[PTG. Phg. 06.2/2.23 (42)]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 221.**

PENGISYTIHARAN KAWASAN PENEMPATAN LUAR BANDAR  
DALAM KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK

DECLARATION OF A RURAL SETTLEMENT AREA  
WITHIN A GROUP SETTLEMENT AREA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri telah mengisytiharkan tanah yang ditunjukkan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Pelan Ukur No. P.W 3622 seluas 256.3 hektar (633.33 ekar) yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi kawasan Penempatan Luar Bandar dalam Kawasan Penempatan Berkelompok Rancangan Felcra Paya Laman Berhad Mukim Semantan, Daerah Temerloh, mulai dari 1 Januari, 2000.

In exercise of the powers conferred by section 5 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960, the State Authority of Pahang has declared that the land delineated and shown edge in grey upon Survey Plan No. P.W 3622 measuring an area of 256.3 hectares (633.33 acres) deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Rural Settlement Area within the Group settlement Area of Paya Laman Felcra Berhad, Mukim of Semantan, District of Temerloh with effect from the 1st day of January, 2000.

Bertarikh 6 Februari 2004

Dated 6 February 2004  
[PTG. Phg. 06.2/2.23 (41)]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

ENAKMEN RIZAB MELAYU  
(N.M.B Bab 142)

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT  
(F.M.S. Cap. 142)

**No. 222.**

PENGISYTIHARAN-PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATIONS UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 1,150 hektar (2,842 ekar), Mukim Penor, Daerah Kuantan, yang ditunjukkan di atas Pelan Ukur No. PW 3413 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu dan dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Batu 14.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 1,150 hectares (2,842 acres), Mukim of Penor, District of Kuantan, as shown upon Survey Plan No. PW 3413 deposited in the office of the Director of Survey of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Miles 14 Malay Reservation.

Bertarikh 9 Februari 2004

Dated 9 February 2004  
[PTK. 001/4923]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 223.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 1.620 hektar, Mukim Pedah, Daerah Jerantut, yang ditunjukkan di atas Pelan Ukur No. PW 3701 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu dan dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Sungai Par (Tambahan).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 1.620 hectares, in the Mukim of Pedah, District of Jerantut, as shown upon Survey Plan No. PW 3701 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as the Sungai Par Malay Reservation (Additional).

Bertarikh 9 Februari 2004

Dated 9 February 2004

[PTJ. 6.600/95]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 224.**

## PEMBATALAN-PEMBATALAN DI BAWAH SUBSECTION 4(i)

## REVOCATIONS UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 8162 meter persegi yang dikenali sebagai Lot No. 194, Seksyen 40, Bandar Kuantan, Daerah Kuantan, yang dilukis dan ditunjukkan di atas Pelan Ukur No. PA 102770 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Kubang Buaya menurut *Warta Kerajaan Pahang* No. 610 yang disiarkan pada 22 Oktober 1981 dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 8162 square metres known as Lot No. 194, Section 40, Kuantan Town, District of Kuantan, which is delineated and shown upon Survey Plan No. PA 102770 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang, which is forming part of the Kubang Buaya Malay Reservation vide the Pahang State Government *Gazette* No. 610 published on the 22 October 1981 be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 4 Februari 2004

Dated 4 February 2004

[PTK. 3/5/106 SJ. 80]

DATO' SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAACOB  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 225.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan tanah seluas 1172 hektar (2896 ekar), Mukim Hulu Lepar, Daerah Kuantan, yang dilukis dan ditunjukkan di atas Pelan Ukur No. PW 3410 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Pohoi menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 5435 yang disiarkan pada 4 November 1921 dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 1172 hectares (2896 acres), Mukim of Hulu Lepar, District of Kuantan, as delineated and shown upon Survey Plan No. PW 3410 deposited in the office of the Director of Survey of Pahang, which is forming parts of the Pohoi Malay Reservation *vide* the Federated Malay States Government *Gazette* No. 5435 published on the 4 November 1921 be revoked from forming parts of the said Malay Reservation.

Bertarikh 9 Februari 2004

Dated 9 February 2004

[PTK. 001/4923]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pahang*

**No. 226.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 1.620 hektar dalam Mukim Tembeling, Daerah Jerantut, yang dilukis dan ditunjukkan di atas Pelan Ukur No. PW 3700 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Kuala Tahan menurut *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 773 yang disiarkan pada 24 November 1983 dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 1.620 hectares in the Mukim of Tembeling, District of Jerantut, as delineated and shown upon Survey Plan No. PW 3700 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang, which is forming part of the Kuala Tahan Malay Reservation *vide* the Pahang State Government *Gazette* No. 773 published on the 24 November 1983 be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 9 Februari 2004

Dated 9 February 2004

[PTJ. 6.600/95]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pahang*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 227.**

(Seksyen 62)

PERIZAPAN TANAH-TANAH UNTUK MAKSUD AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LANDS FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 172 meter persegi yang dikenali sebagai Lot No. 7361, Mukim Luit, Daerah Maran, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. PA 83578 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Loji Pengolahan Kumbahan di Taman Emas, Kg. Sri Jaya, di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan disenggara oleh Jabatan Perkhidmatan Pementasan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National National Land Code, the State Authority has reserved the land measuring an area of 172 square metres, known as Lot No. 7361, Mukim of Luit, District of Maran, as delineated upon Survey Plan No. PA 83578 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for the sewerage treatment plant, to be under the control of the Federal Land Commissioner and to be maintained by the Director General of Sewerage Services.

Bertarikh 6 Februari 2004

Dated 6 February 2004

[PTM. 6/11/0069]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 228.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 1,150 hektar (2842 ekar), Mukim Hulu Lepar, Daerah Kuantan, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. PW 3412 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai Kawasan Simpanan Ternakan Haiwan, di bawah kawalan Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National National Land Code, the State Authority has reserved the land measuring an area of 1,150 hectares (2842 acres), Mukim of Hulu Lepar, District of Kuantan, as delineated

upon Survey Plan No. PW 3412 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Animal Farm Reservation Area, to be under the control of the Pahang State Director of Veterinary Services.

Bertarikh 9 Februari 2004

Dated 9 February 2004  
[PTK. 001/4923]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 229.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 4.647 hektar yang dikenali sebagai Lot 872, Mukim Hulu Kuantan, Daerah Kuantan, yang ditunjukkan di atas Pelan Ukur No. P.A. 84068 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Tangki Air Sungai Leming, di bawah Setiausaha Kerajaan Pahang.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National National Land Code, the State Authority has reserved the land measuring an area of 4.647 hectares known as Lot 872, Mukim of Hulu Kuantan, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 84068 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for the Sungai Leming Water Reservoir, to be under the control of the Pahang State Secretary.

Bertarikh 9 Februari 2004

Dated 9 February 2004  
[PTK. 3/5/437]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 230.**

(Subseksyen 64(1))

PEMBATALAN-PEMBATALAN PERIZAPAN

(Subsection 64(1))

REVOCATIONS OF RESERVATION

Bahawasanya melalui *Warta* Kerajaan Negeri Pahang No. 259 yang disiarkan pada 10 Julai 1958, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara telah merizabkan tanah seluas 1 ekar 2 rood 07.7 pole dikenali sebagai Lot 4664, Mukim Kuala Kuantan,

Daerah Kuantan, yang dilukiskan atas Pelan Ukur No. 19738 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur Pahang sebagai satu rizab untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak 'New Fire Station, Kuantan' di bawah kawalan Pegawai Daerah Kuantan;

Dan bahawasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan perizapan tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 9 April 1998 sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 246;

Dan bahawasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian adalah diisytiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perizapan tersebut.

Whereas by the Pahang Government *Gazette* No. 259 published on the 10 July 1958, the Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers under subsection 62(1) of the Land Code which was delegated to him has proclaimed the land comprising of an area of 1 acre 2 roods 07.7 poles known as Lot No. 4664, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, delineated upon Survey Plan No. 19738 deposited in the office of the Director of Survey of Pahang to be a reserve for a public purpose to wit a site for a New Fire Station, Kuantan to be maintained by the District Officer, Kuantan;

And whereas a notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code was published in the Government of Pahang *Gazette* on the 9 April 1998 as *Gazette Notification* No. 246;

And whereas on the date and time fixed for enquiry, the Pahang State Director of Lands and Mines did not receive any objection to the proposal;

Now therefore it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes the aforesaid reservation.

Bertarikh 9 Februari 2004

Dated 9 February 2004

[PTK. 3/5/106SJ. 94]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 231.**

Bahawasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 370 yang disiarkan pada 2 Oktober 1958, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah telah mengisytiharkan tanah seluas 5 ekar 3 rood 19 pole yang dikenali sebagai Lot No. 925 terletak di Kg. Awah, Mukim Bukit Segumpal, Daerah Temerloh, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 17,168 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai satu rizab bagi tujuan tapak sekolah Melayu;

Dan bahawasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 28 Februari 2002 sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 193;

Dan bahawasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian adalah diisytiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perizapan tersebut.

Whereas by the Pahang State Government *Gazette* No. 370 published on the 2 October 1958, the Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers conferred on him by section 24(i) of the Land Code has proclaimed the land comprising of an area of 5 acres 3 roods 19 poles known as Lot No. 925, situated at Kampung Awah, Mukim of Bukit Segumpal, District of Temerloh, delineated upon Survey Plan No. 17,168 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a reserve for a purpose of a site for a Malay School;

And whereas a notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code was published in the Government of Pahang *Gazette* on 28 February 2002 as *Gazette* Notification No. 193;

And whereas on the date and time fixed for enquiry, the Pahang State Director of Lands and Mines did not receive any objection to the proposal;

Now therefore it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes the aforesaid reservation.

Bertarikh 12 Februari 2004

Dated 12 February 2004

[PTM. 6/3/2723]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 232.**

Bahawasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 324 yang disiarkan pada 21 Ogos 1958, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa Raja dalam Mesyuarat di bawah 24 Kanun Tanah yang diwakilkan kepadanya telah merizabkan tanah seluas 10 ekar 1 rood 28 pole yang dikenali sebagai Lot No. 4,604 terletak di Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 19,739 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Sekolah Sultan Abu Bakar, Kuantan;

Dan bahawasanya suatu notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 6 Disember 2001 sebagai Pemberitahuan *Warta* No. 741;

Dan bahawasanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi siasatan, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian adalah diisytiharkan bahawa pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perizapan tersebut.

Whereas by the Pahang State Government *Gazette* No. 324 published on the 21 August 1958, the Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers of the Ruler in Council under section 24 of the Land Code delegated to him has reserved the land comprising of an area of 10 acres 1 rood 28 poles known as Lot No. 4,604 situated in the Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, delineated upon Survey Plan No. 19,739 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a purpose, to wit a site for Sultan Abu Bakar School, Kuantan;

And whereas a notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code was published in the Government of Pahang *Gazette* on 6 December 2001 as *Gazette* Notification No. 741;

And whereas on the date and time fixed for enquiry, the Pahang State Director of Lands and Mines did not receive any objection to the proposal;

Now therefore it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority revokes the aforesaid reservation.

Bertarikh 17 Februari 2004

Dated 17 February 2004  
[PTK. 3/3/23793]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

**No. 233.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Ghazali bin Haji Abu Bakar, Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 12 Mei 2004 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM27,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah:
- (a) RM35,086.98 Nama pemegang gadaian: Malayan Banking Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut—
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM2,700.00;
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 12 Mei 2004 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KETERANGAN

Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—2344. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1520. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar (jika ada)—Perserahan No. 4415/1999. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Julai 2003  
[PTK. 4/5/1/3155]

*Pentadbir Tanah Daerah  
Kuantan*

**No. 234.**

Saya, Khairun Nissa binti Aris, Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 12 Mei 2004 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM75,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah:
- (a) RM68,510.37 Nama pemegang gadaian: Malayan Banking Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut—
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM7,500.00;
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 12 September 2004 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KETERANGAN

Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—47927. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 40157. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar (jika ada)—Perserahan No. 5468/1999. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 5 November 2003  
[PTK. 4/5/1/3206]

*Pentadbir Tanah Daerah  
Kuantan*

**No. 235.**

Saya, Khairun Nissa binti Aris, Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 12 Mei 2004 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM65,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah:
- (a) RM19,745.05 Nama pemegang gadaian: Southern Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut—
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM6,500.00;
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 12 September 2004 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KETERANGAN

Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—34145. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 32342. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar (jika ada)—Perserahan No. 1874/1997, Jilid 380, Folio 72 dan Perserahan No. 6256/1997, Jilid 397, Folio 20. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 5 November 2003  
[PTK. 4/5/1/3219]

*Pentadbir Tanah Daerah  
Kuantan*

**No. 236.**

Saya, Khairun Nissa binti Aris, Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 12 Mei 2004 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM300,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah:
- (a) RM493,618.05 Nama pemegang gadaian: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut—
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM30,000.00;
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
- (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 12 September 2004 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KETERANGAN

Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—28746. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 26204. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar (jika ada)—Perserahan No. 3348/1998. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 5 November 2003  
[PTK. 4/5/1/3220]

*Pentadbir Tanah Daerah  
Kuantan*

**No. 237.**

Saya, Khairun Nissa binti Aris, Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 12 Mei 2004 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM230,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah:
- (a) RM113,541.09 Nama pemegang gadaian: RHB Bank Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM23,000.00;
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari 12 September 2004 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KETERANGAN

Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—201 Sek. 37. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 9998. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar (jika ada)—Perserahan No. 5875/1995, Jilid 328 dan Folio 55. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 6 November 2003  
[PTK. 4/5/1/3223]

*Pentadbir Tanah Daerah  
Kuantan*

**No. 238.**

Saya, Khairun Nissa binti Aris, Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 19 Mei 2004 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan; dan

- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM45,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah:
- (a) RM13,885.10 Nama pemegang gadaian: RHB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM4,500.00;
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
- (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari 19 September 2004 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KETERANGAN

Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—33615. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 30433. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar (jika ada)—Perserahan No. 2234/2001. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 11 November 2003  
[PTK. 4/5/1/3224]

*Pentadbir Tanah Daerah  
Kuantan*

**No. 239.**

Saya, Khairun Nissa binti Aris, Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 19 Mei 2004 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM35,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah:
- (a) RM19,951.18 Nama pemegang gadaian: Southern Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM3,500.00;
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari 19 September 2004 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

#### JADUAL TANAH DAN KETERANGAN

Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—56151. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 44981. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar (jika ada)—Perserahan No. 244/1999. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 13 November 2003  
[PTK. 4/5/1/3232]

*Pentadbir Tanah Daerah  
Kuantan*

**No. 240.**

Saya, Khairun Nissa binti Aris, Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 19 Mei 2004 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM140,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah:
- (a) RM63,850.07. Nama pemegang gadaian: OCBC Bank Malaysia Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM14,000.00;
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari 19 September 2004 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KETERANGAN

Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—10923. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 6740. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar (jika ada)—No. Perserahan 5174/1995, Jilid 325, Folio 73. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 13 November 2003  
[PTK. 4/5/1/3231]

*Pentadbir Tanah Daerah  
Kuantan*

**No. 241.**

Saya, Khairun Nissa binti Aris, Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 19 Mei 2004 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM78,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah:
- (a) RM43,388.33. Nama pemegang gadaian: Southern Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM7,800.00;
